

01/08/2004

Abdullah sifatkan Global 2004-LID berjaya

By Mutazar Abd Ghani; Johari Ibrahim; Zainab Mohd Yatim

LANGKAWI: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan Global 2004-Dialog Antarabangsa Langkawi (Global 2004-LID) yang berakhir semalam, amat berjaya dan memberi banyak manfaat kepada negara peserta terutama dalam isu pembangunan, kemiskinan dan keselamatan.

Perdana Menteri berkata, menerusi dialog itu setiap negara peserta dapat belajar daripada pengalaman masing-masing, sekali gus memberi idea untuk meneruskan agenda masa depan serta menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Katanya, Global 2004-LID menyediakan peluang terbaik kepada setiap negara peserta, termasuk Malaysia untuk meraih pengalaman penting dan berguna.

"Dialog dan perbincangan berterusan adalah satu-satunya cara untuk kita mendapat pemahaman yang lebih baik. Jika kita mahu dihormati dan memimpin, kita perlu mendengar sebelum membuat keputusan," katanya pada hari terakhir Global 2004-LID, di sini semalam.

Abdullah yang kali pertama mempengerusikan LID selepas mengambil tampuk pemerintahan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, selepas berakhirnya dialog tiga hari itu, beliau merasakan semangat perkongsian pintar yang semakin menebal dan yakin ia berada pada tahap yang selesa.

"Walaupun ini kali pertama saya mempengerusikan LID dan menjadi penaung serta penasihat, saya menghargainya kerana mendapat kerjasama yang baik daripada semua peserta," katanya.

Katanya, beliau juga gembira kerana ada beberapa syarikat Malaysia yang dijemput membuat tinjauan mengenai kemungkinan untuk membuat pelaburan dan kerja sama dalam bidang tertentu di negara peserta.

Sehubungan itu, beliau mahu dialog itu diteruskan, selain memastikan ada timbal balas secara rasmi dan aktif supaya semua pihak mendapat manfaat.

Perdana Menteri berkata, perkongsian pintar mewujudkan budaya dialog baru tanpa mengetepikan identiti nasional masing-masing.

Katanya, perkongsian pintar membolehkan negara peserta melakukan permodenan yang mempunyai pelbagai manfaat, tanpa mengetepikan perkara tradisi.

"Perkongsian pintar menggabungkan semua negara peserta ke arah mewujudkan sesuatu yang berbeza dan mencapai penyelesaian menang-menang," katanya.

Abdullah berkata, LID juga mampu menggerakkan kerjasama yang lebih erat di antara sektor awam dan swasta, sekali gus menjana lebih banyak peluang dalam pelbagai bidang.

Beliau juga memuji langkah penganjur dialog kali ini yang memperkenalkan program rangkaian perniagaan, yang menyaksikan lebih 110 perjumpaan termasuk membabitkan lebih 15 ketua negara dan pegawai kanan kerajaan.

Antara pertemuan yang berjaya dikendalikan ialah dari Sudan, Botswana, Afrika Selatan, Tanzania, Zambia, Swaziland, Uganda dan Namibia.

Perdana Menteri juga mahu semua negara peserta supaya mengambil perhatian serius terhadap semua perkara yang dipersetujui dalam dialog itu.

Global 2004-LID dianjurkan oleh Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Pengurusan Teknologi (Might) dan Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM).

(END)